

Pasangan sebabkan kematian kanak-kanak dipenjara 15 tahun

KUCHING: Seorang pengasuh dan suaminya masing-masing dijatuhi hukuman penjara 15 tahun di Mahkamah Tinggi semalam, selepas mengaku bersalah menyebabkan kematian Eric Chang Wei Jie, 4, pada 2022.

Hakim Leonard David Shim menjatuhkan hukuman itu terhadap Wendy Chai Xue Zhen, 40, dan Ling Kok Liang, 54, yang didakwa mengikut pertuduhan alternatif di bawah Seksyen 304(a) Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama.

Seksyen itu membawa hukuman penjara sehingga 30 tahun dan boleh didenda jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan, Chai dan Ling didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di Taman Riverview di Jalan Daya, Bintawa di sini antara 4 dan 7 Mac 2022.

Mengikut fakta kes, Eric berada di bawah jagaan Chai dan Ling pada 21 Februari 2022 kerana ibunya tidak sihat susulan mengandung, sementara teman lelaki ibunya cedera akibat kemalangan.

Ketika berada di bawah jagaan mereka, mangsa kerap dipukul, ditampar serta dipukul menggunakan objek seperti tali pinggang, paip getah dan gayung setiap kali mangsa mengotorkan dirinya, sehingga menyebabkan lebam serta bengkak pada tubuh mangsa.

Pada malam 4 Mac 2022, mangsa telah dipukul dengan teruk dan keesokan paginya, Ling mendapati mangsa tidak menunjukkan sebarang tindak balas.

Mangsa telah meninggal dunia dan pasangan itu meninggalkan mayatnya di dalam rumah sehingga ia mula berbau.

Pasangan menyebabkan kematian kanak-kanak dipenjara 15 tahun

► Dari Muka 1

Pada 6 Mac 2022, Ling merancang untuk membuang mayat itu.

Chai membalut mangsa dengan selimut dan beg plastik sebelum meletakkannya ke dalam kotak polisterin yang besar.

Pada malam itu, mereka memandu ke jeti Muara Tebas dan membuang kotak itu ke dalam sungai, kemudian membuang beberapa barang milik mangsa, termasuk tuala dan kasut.

Keesokan harinya, Chai memberikan maklumat palsu kepada ibu mangsa dengan menyatakan bahawa anaknya telah hilang.

Bagi menyokong dakwaan itu, Chai membiarkan pintu pagar serta pintu rumah dalam

keadaan tidak berkunci agar menampakkan seolah-olah kanak-kanak tersebut telah melarikan diri.

Susulan itu, satu laporan polis telah dibuat petang sama.

Siasatan polis kemudian membawa kepada penangkapan Chai dan Ling pada 16 Mac 2022.

Polis turut merampas beberapa barangan sebagai eksibit, yang kemudiannya dihantar untuk dianalisis.

Walaupun pelbagai usaha dilakukan, mayat mangsa bersama kotak polisterin tersebut tidak pernah ditemui.

Pendakwaan kes dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohd Fillany Siji manakala Chai dan Ling masing-masing diwakili peguam Daniel Ling dan Fung Lee Fook.